



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
KAWASAN DITETAPKAN**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)	1
LATAR BELAKANG KAWASAN DITETAPKAN	1
TERMINOLOGI.....	2
APLIKASI CBP DI KAWASAN DITETAPKAN.....	2
Barang yang dibekalkan dalam atau di antara kawasan ditetapkan	2
Barang diimport dari luar negara ke kawasan ditetapkan	2
Barang yang dibekalkan dari Malaysia ke kawasan ditetapkan	3
Pembekalan perkhidmatan dalam atau di antara kawasan ditetapkan	4
Pembekalan perkhidmatan dari atau ke kawasan ditetapkan ke atau dari Malaysia	5
Pengenaan CBP di kawasan ditetapkan.....	6
SOALAN LAZIM	6
MAKLUMBALAS DAN KOMEN.....	15
BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT.....	15



PENGENALAN

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara berkaitan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas Kawasan Ditetapkan.

Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. CBP adalah cukai pelbagai peringkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dilakukan di setiap peringkat di dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengagihan, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan oleh itu cukai berganda dapat dielakkan.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu cukai tersebut bukanlah merupakan kos di setiap peringkat pengeluaran dan pembekalan dan ianya tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan.

LATAR BELAKANG KAWASAN DITETAPKAN

5. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia menggalakkan pembangunan industri berorientasikan eksport. Untuk menyokong polisi ini, pelbagai kemudahan telah diperkenalkan kerajaan seperti penubuhan gudang berlesen, zon perdagangan dan perindustrian bebas, gudang pengilangan berlesen dan juga pelabuhan bebas cukai.

6. Sebelum pelaksanaan CBP, pelabuhan bebas cukai, dengan sedikit kekecualian, adalah bebas dari duti kastam, duti eksais, cukai perkhidmatan dan



cukai jualan. Untuk mengekalkan status ini, peruntukan khas di bawah **Bahagian XIV, Akta CBP 2014** diperkenalkan bagi pelabuhan bebas cukai yang dikenali sebagai ‘Kawasan Ditetapkan’.

TERMINOLOGI

7. Di bawah perundangan CBP, tafsiran Malaysia, kawasan ditetapkan, Langkawi, Labuan atau Tioman adalah seperti berikut:

- (a) ‘Malaysia’ tidak termasuk kawasan ditetapkan.
- (b) ‘kawasan ditetapkan’ ertinya Labuan, Langkawi atau Tioman.
- (c) ‘Langkawi’ ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau berdampingan yang terletak lebih dekat dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar.
- (d) ‘Labuan’ ertinya Pulau Labuan dan pulau-pulau tanggungannya, iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kechil, Keraman, Burong, Papan dan Daat.
- (e) ‘Tioman’ ertinya Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labai, Sepoi dan Jahat.

APLIKASI CBP DI KAWASAN DITETAPKAN

Barang yang dibekalkan dalam atau di antara kawasan ditetapkan

8. Pembekalan barang yang dibuat oleh mana-mana orang dalam atau di antara kawasan ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada CBP. Ini bererti tiada CBP (cukai output) dikenakan ke atas pembekalan tersebut. Oleh yang demikian, pembekalan yang dibuat adalah tidak termasuk dalam penentuan nilai ambang yang ditetapkan bagi CBP. Mana-mana orang yang sedemikian tidak dikehendaki mendaftar untuk CBP.

Barang diimport dari luar negara ke kawasan ditetapkan

9. Apa-apa barang yang diimport dari luar negara adalah tidak tertakluk kepada CBP melainkan ia ditetapkan oleh Menteri dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai bagi Pembekalan Berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2014 untuk dikenakan CBP.



Barang yang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia

10. Barang yang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia adalah disifatkan sebagai pengimportan ke Malaysia. Oleh itu, CBP hendaklah dibayar bagi semua barang yang dibekalkan ke Malaysia seolah-olah pembekalan tersebut telah diimport ke Malaysia. Pengimportan ini termasuklah pemindahan barang dari kawasan ditetapkan ke Malaysia di bawah perjanjian pajakan. Bagi maksud CBP, sewaan atau pajakan barang yang diimport dari kawasan ditetapkan adalah dikira sebagai pengimportan barang ke Malaysia dan adalah tertakluk kepada GST di mana nilai barang itu adalah ditentukan selaras dengan Peraturan-peraturan Kastam (Rukun Penilaian) 1999. Nilai itu adalah nilai transaksi barang tersebut, iaitu harga yang telah dibayar atau kena dibayar bagi barang itu apabila dijual untuk eksport ke Malaysia, diselaraskan mengikut peraturan 5 Peraturan yang sama. Dalam kes ini, barang yang diimport itu dipajak dari kawasan ditetapkan. Oleh itu, tiada pemindahan pemilikan dan tiada jualan berlaku. Walau bagaimanapun, nilai bagi perjanjian pajakan boleh digunakan sebagai nilai transaksi. Sila rujuk kepada Panduan CBP bagi Import untuk penentuan nilai bagi import yang sedemikian.

11. Pengisyiharan barang berdutti mestilah dibuat dalam borang Kastam No.1 di kawasan ditetapkan. Duti import, jika ada, dan CBP mestilah dibayar di pejabat kastam di kawasan ditetapkan. Pengisyiharan barang yang diangkut dari kawasan ditetapkan ke gudang berlesen atau zon perdagangan bebas mestilah dibuat dalam borang Kastam No.8.

12. Dalam kes-kes tertentu, selain dari membuat pembekalan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia, orang itu boleh juga membuat pembekalan di dalam Malaysia walau pun tempat utama perniagaannya terletak di kawasan ditetapkan. Orang tersebut adalah dikehendaki untuk mendaftar untuk CBP jika pembekalan bercukai yang dibuatnya dalam Malaysia telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

Barang yang dibekalkan dari Malaysia ke kawasan ditetapkan

13. Bagi tujuan CBP, barang yang dibekalkan dari Malaysia ke kawasan ditetapkan adalah berkadar sifar sebagaimana dinyatakan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014. Walaupun begitu,



perkhidmatan yang dibekalkan dari Malaysia ke kawasan ditetapkan adalah tertakluk kepada CBP kerana ia adalah pembekalan tempatan.

14. Bagi pengangkutan barang dari Malaysia ke kawasan ditetapkan, pengisytiharan barang mestilah dibuat dalam borang Kastam No.2 di tempat keluar di Malaysia. Walaupun begitu, terdapat barang-barang tertentu yang dikehendaki diisythihar dalam borang Kastam No.3 kecuali barang yang dieksport melalui udara. Jika melalui udara, penggunaan bil pengangkutan udara (airway bill) adalah memadai. Pengisytiharan barang yang diangkut dari gudang berlesen dan zon perdagangan bebas (ZPB) hendaklah dibuat dalam borang Kastam No.8. Pengisytiharan barang transit ke kawasan ditetapkan dari luar negara hendaklah juga dibuat dalam borang Kastam No.8.

Pembekalan perkhidmatan dalam atau di antara kawasan ditetapkan

15. Secara amnya, pembekalan perkhidmatan yang dibuat dalam atau di antara kawasan ditetapkan, melainkan bagi pembekalan perkhidmatan pengangkutan barang (freight) di antara kawasan ditetapkan, adalah tidak tertakluk kepada CBP dengan syarat bahawa pembekal perkhidmatan berada di kawasan ditetapkan. Ini bermakna tiada cukai output dikenakan ke atas pembekalan tersebut. Oleh yang demikian, pembekalan yang dibuat tidak termasuk dalam penentuan nilai ambang yang ditetapkan. Mana-mana orang yang sedemikian adalah tidak dikehendaki untuk berdaftar di bawah CBP. Pembekalan perkhidmatan pengangkutan barang di antara kawasan ditetapkan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

16. Dalam keadaan tertentu, di mana pembekal berada di Malaysia dan perkhidmatan dibekalkan ke kawasan ditetapkan, perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 1

MSS Sdn Bhd, sebuah penyedia perkhidmatan telekomunikasi bertempat di Kuala Lumpur membekalkan perkhidmatan telekomunikasi kepada perniagaan-perniagaan di Langkawi. Pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP kerana penyedia perkhidmatan berada di Malaysia.

Contoh 2



EZIE Bank (Cawangan Labuan), menyediakan pinjaman kepada penduduk di Labuan dan mengenakan fi prosesan. Fi ini tertakluk kepada CBP pada kadar standard kerana perkhidmatan itu sebenarnya adalah dibekalkan oleh ibu pejabat EZIE Bank di Kuala Lumpur.

Contoh 3

Seorang penduduk menyewa suatu peti deposit keselamatan dari EZIE Bank (Cawangan Labuan) di mana dia adalah tertakluk kepada caj sewaan. Dalam kes ini, peti deposit keselamatan adalah dibekalkan oleh EZIE Bank (Cawangan Labuan) dan bukannya ibu pejabat bank itu di Kuala Lumpur. Caj sewaan itu adalah tidak tertakluk kepada CBP kerana pembekalnya berada di Labuan.

Contoh 4

EZIE Bank (Labuan Bhd), menyediakan pinjaman kepada perniagaan di Labuan dan mengenakan fi prosesan. Fi ini tidak tertakluk kepada CBP kerana perkhidmatan itu adalah disediakan oleh EZIE Bank (Labuan Bhd) yang mana diperbadankan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 (LFSA)(pembekal itu berada di Labuan).

Pembekalan perkhidmatan dari atau ke kawasan ditetapkan ke atau dari Malaysia

17. Pembekalan perkhidmatan yang dibekalkan ke Malaysia dari seorang penyedia perkhidmatan di kawasan ditetapkan adalah pembekalan tempatan. Penyedia perkhidmatan itu adalah dikehendaki mendaftar untuk CBP jika jumlah pembekalan bercukainya dalam tempoh dua belas bulan melebihi nilai ambang yang ditetapkan walaupun establismen perniagaannya terletak di kawasan ditetapkan. Oleh itu, perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada CBP dan cukai output hendaklah dikenakan dalam invois cukai dan diakaunkan dalam penyata CBP.

Contoh 5

EZIE Bank (Labuan Bhd), menyediakan pinjaman kepada suatu perniagaan di Kota Kinabalu, Sabah dan mengenakan fi prosesan. Fi ini adalah tertakluk



kepada CBP pada kadar standard kerana perkhidmatan itu dibekalkan ke Malaysia.

18. Pembekalan perkhidmatan yang dibekalkan ke kawasan ditetapkan dari seorang penyedia perkhidmatan di Malaysia adalah tertakluk kepada CBP jika pembekalnya adalah seorang orang berdaftar.

Pembekalan perkhidmatan dari luar negara ke kawasan ditetapkan

19. Apa-apa perkhidmatan yang dibekalkan ke kawasan ditetapkan tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, jika apa-apa pembekalan perkhidmatan diimport yang sedemikian telah diwartakan oleh Menteri untuk dikenakan CBP, maka pembekalan perkhidmatan yang sedemikian itu adalah tertakluk kepada CBP.

Pengenaan CBP di kawasan ditetapkan

20. Walau apa pun layanan CBP ke atas pembekalan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan di atas, barang dan perkhidmatan –

- (a) yang dibekalkan dalam atau di antara kawasan ditetapkan; atau
- (b) yang diimport ke kawasan ditetapkan.

adalah tertakluk kepada CBP jika ia ditetapkan oleh Menteri dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai bagi Pembekalan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2014 yang disiarkan dalam *Warta*.

SOALAN LAZIM

S1. Saya seorang peniaga di Labuan. Jika saya menjual barang di dalam kawasan ditetapkan itu sahaja, adakah apa-apa implikasi CBP ke atas jualan barang tersebut?

J1. Tiada implikasi CBP atas pembekalan barang yang dibuat di Labuan kerana ia merupakan suatu kawasan ditetapkan.

S2. Lanjutan kepada soalan saya di S1 di atas, jika saya mengambil seorang penasihat kewangan dari sebuah bank di Labuan untuk tujuan perniagaan saya, adakah apa-apa CBP yang kena dibayar ke atas perkhidmatan yang diberi?



- J2. Tiada CBP dikenakan ke atas perkhidmatan yang disediakan di kawasan ditetapkan oleh sebuah bank di Labuan jika bank itu adalah diperbadankan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 (LFSA)(pembekalnya berada di Labuan). Walaupun begitu, jika bank itu adalah suatu cawangan di mana ibu pejabatnya berada di Kuala Lumpur, maka pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP kerana pembekal perkhidmatan itu berada di Malaysia.
- S3. Saya seorang pengilang di Langkawi. Jika saya menjual barang kepada pembeli di Labuan, adakah CBP dikenakan ke atas jualan tersebut?**
- J3. Pembekalan barang di antara kawasan ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada CBP. Oleh itu, tiada CBP dikenakan ke atas pembekalan itu.
- S4. Lanjutan kepada soalan di S3 di atas, bagaimanakah dengan perkhidmatan pengangkutan barang di antara kawasan ditetapkan?**
- J4. Apa-apa perkhidmatan pengangkutan barang di antara kawasan ditetapkan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- S5. Jika saya, sebagai peniaga di Langkawi memerlukan khidmat nasihat dari seorang perunding di Labuan bagi tujuan perniagaan saya, adakah khidmat nasihat tersebut tertakluk kepada CBP?**
- J5. Perkhidmatan yang dibekalkan di antara kawasan ditetapkan tidak tertakluk kepada CBP.
- S6. Saya adalah ahli perniagaan di kawasan ditetapkan. Jika saya mengimport barang bagi tujuan penerusan perniagaan saya, adakah apa-apa implikasi CBP ke atas barang yang diimport itu?**
- J6. Tiada CBP dikenakan ke atas barang yang diimport ke kawasan ditetapkan dari luar negara. Pengikraran barang hendaklah dibuat dalam borang Kastam No.1 di tempat pengimportan di kawasan ditetapkan.
- S7. Lanjutan dari soalan saya di S6, jika saya membeli barang dari seseorang yang berada di Malaysia, adakah pembelian tersebut tertakluk kepada CBP?**
- J7. Jika anda membeli barang dari seseorang di Malaysia, barang yang dibekalkan dari Malaysia ke kawasan ditetapkan adalah berkadar sifar.



- S8. Sebagai seorang ahli perniagaan di Langkawi, jika saya memperoleh barang dari gudang eksais atau gudang berlesen di Malaysia, adakah perolehan tersebut tertakluk kepada CBP?**
- J8. Pembekalan barang dari Malaysia ke kawasan ditetapkan adalah pembekalan berkadar sifar. Oleh itu, tiada CBP ditanggung apabila anda membuat pembelian dari gudang eksais atau gudang berlesen. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada prosedur kastam, pergerakan barang tersebut dari premis berkenaan hendaklah diikrar masing-masing dalam borang Eksais No.8 atau borang Kastam No.8. Barang-barang tersebut hendaklah diangkut dengan kenderaan berkunci atau kontena bersil yang diluluskan oleh Kastam dari premis-premis berkenaan ke pejabat kastam di kawasan ditetapkan.
- S9. Jika saya membeli kereta dari pengedar kereta di Langkawi untuk tujuan penerusan perniagaan saya di kawasan ditetapkan, adakah pembelian tersebut tertakluk kepada CBP?**
- J9. Tiada CBP dikenakan jika kereta dibeli di Langkawi tidak kira sama ada kereta tersebut dibeli untuk kegunaan sendiri atau bagi tujuan perniagaan kerana kereta yang dibekalkan di Langkawi adalah tidak tertakluk kepada CBP. Walaupun begitu, kereta tersebut mestilah digunakan di Langkawi. Jika ia digunakan di Malaysia, maka CBP kena dibayar kecuali syarat pelepasan dari pembayaran CBP di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014 dipatuhi. Peruntukan yang sama juga terpakai bagi kereta yang dibeli di Labuan. Walaupun demikian, kenderaan yang dibawa masuk (dari luar negara atau Malaysia) ke atau dibekalkan di Tioman adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- S10. Jika saya seorang pengedar kereta di Langkawi, adakah saya perlu membayar CBP bagi kenderaan yang dibeli dari Malaysia dan juga kenderaan yang diimport?**
- J10. Tiada CBP dikenakan bagi kereta yang diimport dari luar negara ke Langkawi. Kereta yang diimport dari luar negara mestilah diikrar dalam borang Kastam No.1 di tempat pengimportan di Langkawi. Kereta yang dibeli dan diangkut dari Malaysia adalah tertakluk kepada kadar sifar. Pengisytiharan kereta hendaklah dibuat mengikut dari mana kereta tersebut dipindahkan dari



Malaysia. Kereta yang diangkut dari premis eksais di Malaysia ke kawasan ditetapkan hendaklah diikrar dalam borang Eksais No.8 dan borang Kastam No.2 di Malaysia. Jika kereta dipindahkan dari gudang berlesen di bawah Akta Kastam 1967, pengikraran kereta tersebut hendaklah dibuat dalam borang Kastam No.8. Borang tersebut kemudiannya hendaklah disahkan oleh pegawai kastam yang hak di tempat pemeriksaan kastam di kawasan ditetapkan sebagai bukti pengangkutan dari Malaysia.

- S11. Jika saya operator di zon perdagangan bebas Pelabuhan Klang, apakah implikasi CBP ke atas barang yang saya bekalkan dan diangkut ke kawasan ditetapkan?**
- J11. CBP ke atas pembekalan barang dari zon perdagangan bebas ke kawasan ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada CBP melainkan ia ditetapkan oleh Menteri dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai bagi Pembekalan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2014. Barang yang diangkut ke kawasan ditetapkan mestilah diikrar dalam borang Kastam No.8.
- S12. Saya adalah pengeksport yang mana barang saya pada masa ini disimpan dalam Depot Pelepasan Pedalaman (ICD). Apakah layanan CBP jika saya hendak mengangkut barang tersebut ke Tioman?**
- J12. Apabila barang tersebut diangkut dari ICD ke Tioman, barang itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.
- S13. Saya adalah peniaga di Pulau Pinang. Jika saya telah membeli barang tempatan untuk dihantar kepada pelanggan saya di Labuan, bolehkah belian tempatan saya dikenakan CBP pada kadar sifar?**
- J13. Pembelian anda tidak boleh dikenakan CBP pada kadar sifar oleh pembekal anda kerana ia adalah pembekalan tempatan. Anda boleh mengenakan CBP pada kadar sifar apabila anda menghantar barang tersebut ke Labuan.
- S14. Jika sesebuah mesin perlu diangkut dari Malaysia ke Labuan untuk dibaiki dan kemudiannya dikembalikan semula, apakah layanan CBP ke atas pergerakan barang tersebut?**



- J14. CBP dikenakan pada kadar sifar bila anda menghantar mesin tersebut ke Labuan untuk dibaiki. Seterusnya apabila mesin yang telah dibaiki itu dipulangkan semula ke Malaysia, pelepasan diberi dari pembayaran CBP di bawah butiran 14, Jadual Pertama kepada Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan. Suatu syarat yang penting adalah CBP mestilah dibayar bagi nilai apa-apa alat atau komponen baru yang ditambah kepada mesin itu.
- S15. Saya mempunyai satu syarikat dan pejabat saya terletak di Langkawi. Walaupun begitu, premis di mana perniagaan beroperasi terletak di tanah besar di Kedah. Saya mengeluarkan bil untuk pembekalan bercukai yang dijual kepada syarikat-syarikat di Malaysia dari pejabat saya di Langkawi, menggunakan alamat di situ. Adakah saya perlu mengakaunkan cukai output saya?**
- J15. Pejabat syarikat anda terletak di kawasan ditetapkan tetapi anda membekalkan barang dari premis yang terletak di Malaysia ke syarikat-syarikat yang juga terletak dalam Malaysia. Oleh itu, pembekalan tersebut adalah pembekalan tempatan dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Anda hendaklah mengenakan CBP sebagai cukai output anda dan mengakaunkan cukai tersebut dalam penyata CBP anda jika anda adalah orang berdaftar CBP.
- S16. Jika saya, sebagai ahli perniagaan di Labuan, menggunakan khidmat perunding yang beroperasi di Kuala Lumpur untuk menasihati saya mengenai prospek perniagaan, apakah implikasi CBP atas perkhidmatan perundingan yang dibekalkan kepada saya itu?**
- J16. Perkhidmatan yang dibekalkan kepada anda hendaklah dikenakan CBP pada kadar standard kerana pembekal perkhidmatan itu berada di Kuala Lumpur.
- S17. Adakah perkhidmatan sampingan seperti caj pengangkutan dan pengendalian barang yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia untuk mengangkut barang ke kawasan ditetapkan tertakluk kepada CBP?**
- J17. Perkhidmatan seperti caj pengangkutan dan pengendalian barang yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia untuk mengangkut barang



tertakluk kepada CBP walaupun perkhidmatan tersebut dibekalkan ke kawasan ditetapkan dan barang yang diangkut adalah barang yang berkadar sifar.

S18. Adakah perkhidmatan yang dibekalkan dari luar Malaysia ke kawasan ditetapkan tertakluk kepada CBP?

J18. Perkhidmatan yang dibekalkan dari luar negara ke kawasan ditetapkan adalah perkhidmatan yang diimport. Tiada CBP kena dibayar bagi perkhidmatan sebegini.

S19. Saya seorang pengilang di Langkawi dan saya hendak mengeksport produk saya ke Afrika Selatan. Apakah implikasi CBP ke atas pengeksportan barang tersebut?

J19. Barang yang anda hendak eksport ke Afrika Selatan atau mana-mana negara lain adalah berkadar sifar. Pengikraran barang yang dieksport mestilah dibuat dalam borang Kastam No.2 di kawasan ditetapkan.

S20. Saya adalah peniaga di Langkawi dan menjual peralatan dapur kepada peruncit-peruncit kecil di Kedah. Adakah CBP dikenakan ke atas jualan tersebut?

J20. Jika anda menjual barang anda kepada seseorang di Malaysia, barang yang dibekalkan ke Malaysia adalah disifatkan sebagai diimport ke Malaysia. Oleh itu, duti import dan CBP hendaklah dibayar di pejabat kastam di Langkawi. Pengikraran barang hendaklah di buat dalam borang Kastam No.1.

S21. Jika saya seorang peniaga di Malaysia dan saya hendak membeli barang dari Labuan, di mana dan bagaimana sepatutnya saya membayar CBP bagi barang yang saya bawa masuk ke Malaysia?

J21. Barang yang anda beli dari Labuan adalah disifatkan sebagai barang diimport dari kawasan ditetapkan ke Malaysia. Oleh yang demikian, duti kastam dan CBP dikenakan di pintu keluar kawasan ditetapkan. Memandangkan anda berada di Malaysia, anda boleh mengikrar barang anda sendiri atau anda boleh melantik seorang ejen dan mendaftarkan nama ejen tersebut dengan pegawai kastam yang hak di Labuan bagi tujuan pelepasan kastam.



- S22. Lanjutan kepada soalan saya dalam S21 di atas, bolehkah saya membayar cukai di pintu masuk di Malaysia jika saya tidak melantik seorang ejen bagi tujuan itu?**
- J22. Jika anda tidak melantik seorang ejen bagi tujuan pelepasan kastam, pengeksport di kawasan ditetapkan itu hendaklah disifatkan menjadi ejen anda, atau pegawai kastam yang hak boleh bagi maksud menerima duti dan CBP di kawasan ditetapkan, mengarahkan bahawa duti dan CBP itu dibayar di pintu masuk atau di mana-mana tempat di Malaysia di mana barang diimport boleh ditunjukkan kepada kastam.
- S23. Jika saya seorang pengilang di Malaysia dan saya juga adalah pemegang Skim Pedagang yang Diluluskan (SPL), adakah saya perlu membayar cukai di tempat pengimportan dalam kawasan ditetapkan jika saya membeli barang dari kawasan ditetapkan itu?**
- J23. Jika anda adalah pemegang SPL, anda tidak perlu membayar CBP ke atas barang yang disifatkan sebagai barang diimport di tempat pengimportan memandangkan pembayaran cukai digantung di bawah skim ini. Walaupun begitu, anda mesti mengikrar barang tersebut di pintu masuk yang sah di Malaysia. *Untuk maklumat lanjut, sila rujuk perkara ini dalam Panduan Skim Pedagang Diluluskan.*
- S24. Saya adalah pengilang di Selangor dan saya mempunyai perjanjian untuk menyewa mesin dari peniaga di Labuan bagi tempoh dua tahun. Peralatan itu akan dihantar ke premis saya di Selangor dan akan dipulangkan ke Labuan sebaik sahaja kontrak tamat. Apakah layanan CBP ke atas sewaan itu?**
- J24. Di bawah peraturan biasa CBP, barang yang disewa adalah pembekalan perkhidmatan dan CBP dikenakan bagi pembayaran yang dibuat secara berkala. Walaupun begitu, jika sewaan melibatkan pengangkutan barang dari kawasan ditetapkan ke Malaysia, sewaan itu adalah disifatkan sebagai pengimportan barang. Dalam situasi anda, apabila mesin itu dihantar kepada anda, mesin itu adalah tertakluk kepada CBP di pintu keluar di Labuan. Namun begitu, jika anda adalah orang berdaftar, CBP yang dibayar bagi



pengimportan boleh dituntut sebagai kredit cukai input. Sila rujuk perenggan 9 di atas.

S25. Adakah barang yang dibeli dan dibawa keluar dari kawasan ditetapkan oleh pelancong-pelancong ke Malaysia tertakluk kepada CBP?

J25. Barang yang dijual kepada pelancong-pelancong tidak kira sama ada mereka adalah pelancong tempatan atau dari luar negara adalah bebas dari duti dan CBP. Walaupun demikian, pelancong tempatan mesti membuktikan bahawa mereka telah melawat Langkawi dan Tioman untuk suatu tempoh tidak kurang dari 48 jam di tempat pelepasan untuk melayakkan mereka mendapat pelepasan dari pembayaran CBP. Bagi lawatan ke Labuan, pelancong tempatan hendaklah mengemukakan bukti bahawa mereka telah tinggal di Labuan untuk suatu tempoh tidak kurang dari 24 jam. Pelepasan dari pembayaran CBP adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

S26. Saya pemastautin di Langkawi. Saya hendak ke Pulau Pinang dengan kereta yang telah saya daftarkan di Langkawi. Adakah apa-apa implikasi CBP ke atas kereta yang dipandu keluar dari Langkawi untuk ke Pulau Pinang?

J26. Kereta itu boleh dibawa keluar dari Langkawi ke Pulau Pinang di mana pelepasan dari pembayaran CBP adalah diberi tertakluk kepada syarat-syarat dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014. Kereta itu boleh kekal berada di Pulau Pinang atau mana-mana tempat di Malaysia, tidak melebihi 30 hari untuk satu perjalanan tertakluk kepada suatu tempoh maksimum 90 hari dalam satu tahun.

S27. Adakah apa-apa implikasi CBP bagi kereta yang telah didaftarkan di Tioman apabila kereta tersebut dipandu keluar dari pulau tersebut?

J27. Tiada implikasi CBP bagi kereta yang dibawa ke Malaysia dari Tioman memandangkan kereta tersebut telah tertakluk kepada CBP apabila ia didaftarkan untuk digunakan di pulau tersebut.

S28. Saya mempunyai syarikat pembinaan dan pejabat saya terletak di Kota Kinabalu. Walau pun begitu, pejabat tapak saya terletak di Labuan. Saya mengeluarkan bil dari Kota Kinabalu bagi perkhidmatan-perkhidmatan



yang saya sediakan. Apakah implikasi CBP bagi perkhidmatan yang disediakan dari kawasan ditetapkan tersebut jika pelanggan saya berada di Malaysia dan juga di kawasan ditetapkan berkenaan?

J28. Pembekalan perkhidmatan pembinaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard kerana penyedia perkhidmatan itu berada di Malaysia.

S29. Adakah perkhidmatan sampingan seperti caj-caj pengendalian dan pengangkutan bagi pengangkutan barang yang dibekalkan oleh syarikat pengangkutan yang terletak dalam kawasan ditetapkan tertakluk kepada CBP?

J29. Perkhidmatan dan caj-caj lain yang dibekalkan oleh syarikat yang terletak di kawasan ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada CBP jika ia dibekalkan di kawasan ditetapkan.

S30. Saya seorang ahli perniagaan di Labuan. Saya membekalkan peralatan dan alat ganti ke pelantar minyak yang terletak kawasan perairan Sabah. Apakah layanan CBP ke atas alat-alat ganti yang diangkut ke pelantar minyak berkenaan?

J30. Pengangkutan barang anda dari Labuan ke pelantar minyak itu adalah disifatkan sebagai diimport ke Malaysia. Oleh itu, ianya tertakluk kepada CBP.

S31. NBI and Co. adalah sebuah firma guaman yang terletak di Kuala Lumpur. Firma itu mempunyai beberapa cawangan termasuklah di Langkawi. Sebuah hotel di Langkawi telah membeli sebuah bangunan di pulau itu dan mendapatkan khidmat guaman dari firma guaman ini. Cawangan NBI and Co. di Langkawi telah menyediakan perkhidmatan guaman itu yang termasuk penyediaan kontrak dan selepas itu mengeluarkan bil kepada hotel itu. Adakah fi guaman itu tertakluk kepada CBP?

J31. Fi guaman yang dikenakan oleh cawangan NBI and Co. di Langkawi kepada hotel berkenaan adalah tidak tertakluk kepada CBP kerana pembekalan perkhidmatan sedemikian dikira sebagai pembekalan perkhidmatan yang dibuat dalam kawasan ditetapkan itu.

S32. CC Consultancy (terletak di Malaysia) telah diambil oleh sebuah hotel di Labuan untuk menasihati hotel itu berkenaan strategi pemasaran. Firma



itu telah menghantar seorang pegawainya ke pulau itu untuk memberikan perkhidmatan konsultasi. Adakah perkhidmatan konsultasi itu tertakluk kepada CBP?

- J32. Apabila firma itu mengeluarkan bil kepada pelanggannya, ia mestilah mengenakan CBP kerana pembekalan perkhidmatan itu telah dibuat dari Malaysia ke kawasan ditetapkan itu dan dengan itu tertakluk kepada CBP.
- S33. BB Advertisement Sdn Bhd (terletak in Alor Setar) telah mendapat tempahan dari sebuah syarikat di Langkawi untuk menyediakan suatu iklan di Langkawi. Apabila BB Advertisement telah selesai menyediakan iklan itu dan mengeluarkan bil kepada pelanggannya, adakah syarikat itu perlu mengenakan CBP?**
- J33. Syarikat itu mestilah mengenakan CBP kerana pembekalan perkhidmatan itu sebenarnya telah dibuat dari Malaysia ke Langkawi dan bukannya di Langkawi.

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

21. Sebarang maklumbalas dan komen amat dihargai. Sila email maklumbalas atau komen anda kepada Ganesan A/L Kothendapani (ganesan.kothendapani@customs.gov.my) atau Noor Wahidah Binti Abdul Wahid (wahidah.abwahid@customs.gov.my).

BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT

22. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:
- (a) Laman sesawang CBP: www.gst.customs.gov.my
 - (b) Hotline CBP: 03-88822111
 - (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my

